

16/02/1999

Sistem bergilir KM diteruskan

KUALA LUMPUR, Isnin - Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah mengikut kaum akan diteruskan jika Barisan Nasional (BN) memperolehi semula mandat rakyat dalam pilihan raya negeri akan datang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, sistem berkenaan perlu bagi Sabah kerana BN mendapati tiada satu kaum di negeri itu yang mempunyai kekuatan sendiri untuk memperolehi majoriti dan memerintah.

Menurutnya, sistem yang diperkenalkan sebelum pilihan raya negeri lalu itu, ternyata berjaya dan diterima tiga kumpulan utama rakyat Sabah iaitu Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina.

"Kita akan mengekalkan sistem penggiliran itu. Kami sudah berjanji dengan rakyat dan kami akan menunaikan janji itu," katanya kepada pemberita setibanya daripada menghadiri Sidang Kemuncak G15, hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada sistem penggiliran ketua menteri itu diteruskan jika BN sekali lagi diberi mandat oleh rakyat Sabah dalam pilihan raya negeri itu, yang dijangka diadakan bila-bila masa dari sekarang.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah diperkenalkan sejak BN membentuk kerajaan negeri pada 17 Mac 1994. Sistem itu bertujuan memberi peluang kepada pemimpin tiga kumpulan utama di sana menerajui kerajaan negeri, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Ketua menteri yang pertama mengikut sistem itu ialah Datuk Salleh Said Keruak yang mewakili Bumiputera Islam, diikuti Datuk Yong Teck Lee (Cina) dan Tan Sri Bernard Dompok (Bumiputera bukan Islam).

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN menjelaskan, adalah penting bagi tiga kumpulan utama penduduk di Sabah diberi peluang dalam pemerintahan, terutama selepas negeri itu mencatat pembangunan membanggakan sejak sistem penggiliran itu diperkenalkan lima tahun lalu.

"Daripada apa yang saya lihat setakat ini, rakyatnya boleh menerima sistem ini. Sudah tentu ada sedikit perasaan tidak gembira tetapi akhirnya ia berjaya dilaksanakan dengan baik... tidak ada siapa boleh kata ia gagal," katanya.

Perdana Menteri, yang melawat Sabah Khamis ini berkata, sejak BN memerintah negeri itu, keadaan bertambah baik.

"Ketika BN baru mengambi alih pemerintahan di Sabah selepas pilihan raya lalu, keadaan di Sabah amat terkebelakang dengan ketiadaan lampu jalan, malah Kota Kinabalu seperti bandar di negeri paling mundur.

"Tetapi dengan adanya pemerintahan mengikut sistem itu, berlaku perubahan di Sabah," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun menolak kemungkinan parti pembangkang utama di Sabah diterima menyertai BN bagi memastikan kemenangan.

"Tidak ada. Parti pembangkang kita tidak boleh terima. Dulu kita terima tapi pendirian dia ialah kalau untung dia nak, kalau rugi dia tak nak."

"Sekarang ini dia nampak mungkin dia untung. Kalau dia dakwa bahawa kalau menang, dia akan diterima masuk dalam BN, itu semua cara pancing undi. "Kita tahu pendirian dia... pendirian dia cuma satu kaum saja yang berhak memerintah Sabah. Itu pendiriannya, sangat sempit sedangkan kita bagi peluang kepada semua kaum," katanya sambil melahirkan keyakinan BN akan mencapai kemenangan di negeri itu.

Mengenai lawatannya ke Sabah, Perdana Menteri berkata ia bagi membolehkan beliau membuat penilaian serta meninjau persediaan yang dibuat serta mendapatkan pendirian komponen parti BN berhubung pandangan dan

pemilihan calon.

Berhubung isu anti kerajaan Persekutuan yang dibangkitkan oleh parti pembangkang negeri itu, Dr Mahathir berkata beliau amat dukacita atas perbuatan itu kerana ia bukan satu cara untuk menjadi popular, sebaliknya ia boleh menyebabkan ketegangan antara kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Beliau menganggap perbuatan memancing undi pemimpin pembangkang itu secara sedemikian sebagai tidak bertanggungjawab.

"Dalam politik kita mesti ada sikap bertanggungjawab, jika kita langsung tidak bertanggungjawab maka kita akan menghadapi masalah," katanya.

(END)